

Sistem Penasihat Kerjaya Berdasarkan Personaliti STIFIn

¹ Nor Ziha binti Salikin, dan ² Zalmiyah binti Zakaria

^{1,2} Jabatan Kejuruteraan Perisian, Fakulti Komputeran,
 Universiti Teknologi Malaysia (UTM),
 81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia
 zihasalikin@gmail.com dan zalmiyah@utm.my

Abstrak. Memasuki alam pekerjaan adalah menjadi destinasi terakhir kepada kebanyakan pelajar. Sama ada pada peringkat sijil, diploma atau ijazah mereka mula mencongak-congak akan peluang kerjaya yang bakal diceburi. Kerjaya merupakan sesuatu yang penting dan amat berkait rapat dengan perkembangan kehidupan seseorang itu. Walaubagaimanapun, pemilihan kerjaya merupakan permasalahan yang kompleks. Kekurangan pengetahuan dalam mengenalpasti minat, kebolehan, kemahiran dan personaliti telah menambahkan lagi rumit permasalahan tersebut. Pilihan yang tepat dalam kerjaya adalah asas penting. Pemilihan yang tepat dapat membawa kepada kebahagiaan, kesejahteraan dan kepuasan dalam berkerjaya. Sebaliknya, pemilihan yang salah menyebabkan kegagalan, kekecewaan dan kesedihan dalam kehidupan. Oleh itu, Sistem Penasihat Kerjaya Berdasarkan Personaliti STIFIn dicadangkan untuk dibangunkan bagi menyelesaikan masalah tersebut. Projek pembangunan ini menggunakan metodologi berasaskan prototaip evolusi dan menggunakan permodelan Unified Modelling Language (UML). Sistem ini diharap dapat membantu seseorang individu mengetahui jenis personaliti paling dominan dan dapat membantu dalam memilih kerjaya yang bersesuaian bagi menjamin kepuasan dalam berkerjaya dan dapat menggunakan kekuatan mereka secara optimum.

Kata Kunci: UML, Personaliti STIFIn, prototaip evolusi, pemilihan kerjaya, penentuan personaliti.

1 Pengenalan

Pada era ini, kebanyakan pelajar di Malaysia membuat pemilihan kerjaya tanpa berdasarkan kepada perancangan awal yang sistematik serta matlamat yang jelas. Pemilihan kerjaya adalah merupakan salah satu daripada permasalahan besar yang sering dikemukakan oleh seseorang individu yang ingin melangkah ke alam pekerjaan dalam kehidupannya. Pelajar lepasan sekolah menengah khususnya begitu mengambil berat terhadap kerjaya yang bakal diceburi oleh mereka dan di peringkat inilah mereka akan membuat keputusan dalam permulaan tentang kerjaya.

Namun demikian, masih ada segelintir pelajar yang tidak mempunyai pendirian yang tetap dalam membuat keputusan pemilihan kerjaya. Kebanyakan pelajar kurang mempunyai kemahiran terhadap asas-asas akademik apabila tamat sesi persekolahan mereka dan akan mengakibatkan kesukaran dalam membuat pemilihan kerjaya mengakibatkan mereka tersilap langkah dalam membuat keputusan. Masalah akan timbul sekiranya seseorang individu merasakan kerjaya yang mereka lakukan adalah tidak bersesuaian dengan minat dan personaliti mereka. Pemilihan kerjaya yang tidak bertepatan dengan minat dan personaliti akan


menimbulkan konflik diri dan secara tidak langsung akan memberi impak yang besar dalam kehidupan mereka pada masa akan datang. Hal ini akan memberikan impak yang negatif seperti tekanan kerja, bosan dan seterusnya sering bertukar pekerjaan. Perasaan jemu dan kecewa juga akan timbul seterusnya mengganggu prestasi kerja. Tambahan lagi, kepuasan kerja, kebolehan dan pencapaian adalah bergantung kepada tahap keselarasan antara ciri-ciri personaliti dengan persekitaran kerja. Pemilihan kerjaya mestilah selaras dengan personaliti seseorang individu tersebut kerana pilihan yang dibuat merupakan pilihan kerjaya untuk masa hadapan mereka.

2 Latar Belakang Masalah

Pemilihan kerjaya merupakan satu proses yang sangat kompleks. Hal ini terjadi kerana mereka tidak dapat mengagak dengan baik tentang minat, kebolehan, kemahiran dan personaliti mereka. Hasilnya kerjaya yang dipilih tidak bersesuaian dengan personaliti mereka. Strategi terbaik dalam pemilihan kerjaya adalah bersesuaian dengan minat, kebolehan serta tahap kemampuan seseorang individu. Oleh itu, Sistem Penasihat Kerjaya Berdasarkan Personaliti STIFIn yang merupakan sistem berkomputer ini perlu dibangunkan bagi membantu seseorang individu mengenalpasti ciri-ciri personaliti mereka bagi menentukan kerjaya yang bersesuaian dengan personaliti mereka. Justeru, dengan mengetahui personaliti paling dominan seseorang individu, mereka dapat memilih kerjaya yang bersesuaian dan dapat menggunakan kekuatan mereka secara optimum. Justeru, pembangunan sistem ini bertujuan untuk mengenalpasti cenderung personaliti yang paling dominan bagi setiap individu yang terdiri daripada lima personaliti iaitu STIFIn yang merujuk kepada *Sensing*, *Thinking*, *Intuiting*, *Feeling* dan *Instinct* bagi menentukan kerjaya yang bersesuaian dengan kemampuan seseorang individu menggunakan kaedah STIFIn.

3 Metodologi

Metodologi yang dipilih bagi membangunkan Sistem Penasihat Kerjaya Berdasarkan Kaedah STIFIn ini ialah metodologi yang menggunakan pendekatan Prototaip Evolusi dalam pembangunan sistem. Rajah 1 menunjukkan rajah model prototaip. Rajah model prototaip ini menerangkan beberapa fasa iaitu Model prototaip menerangkan beberapa fasa iaitu Fasa Perancangan, Fasa Analisa Keperluan Perisian, Fasa Rekabentuk, Fasa Pembangunan, Fasa Pengujian dan Penilaian



Rajah1: Model Prototaip Evolusi

3.1. Fasa Perancangan

Dalam fasa ini, kajian tentang seluruh sistem dilakukan. Fasa ini bertujuan untuk memudahkan pemahaman masalah sistem semasa, menentukan matlamat, objektif dan skop sistem di samping kekangan-kekangan projek. Di dalam fasa ini akan mendapatkan seberapa banyak maklumat yang mungkin berkaitan dengan masalah dalam pembangunan sistem ini. Maklumat terhadap domain masalah juga bakal dianalisa iaitu ciri-ciri personaliti bagi setiap jenis personaliti menggunakan personaliti STIFIn. Pengumpulan maklumat ini dilakukan bagi memudahkan rujukan pada fasa-fasa seterusnya. Seterusnya, fungsi utama sistem dikenalpasti dan keperluan fungsi ini akan dimodelkan dengan menggunakan model UML.

3.2. Fasa Analisa Keperluan Perisian

Fasa ini menumpukan sepenuhnya kepada proses memperolehi pengetahuan dari pakar domain, dan juga sumber-sumber lain. Data-data yang dikumpul akan dianalisa dan dipilih untuk dijadikan maklumat yang berguna bagi sistem yang akan dibangunkan. Bagi proses pengumpulan pengetahuan, aktiviti pengumpulan pengetahuan melibatkan proses perolehan pengetahuan dari pakar domain, sumber pembacaan dari internet dan juga proses pengekstrakan maklumat dari modul STIFIn sendiri. Dalam proses perolehan pengetahuan menerusi pakar domain, temuramah telah dijalankan di Pusat Tafaqquh al-Ghazali bersama Ustaz Zaifiddin bin Isa. Selain itu, perolehan pengetahuan berkenaan dengan soalan psikologi di lakukan di Pusat Kaunseling dan Kerjaya Universiti Teknologi Malaysia iaitu bersama Pakar Psikologi, Cik Hazira binti Hashim.

3.3. Fasa Rekabentuk

Fasa rekabentuk menerangkan bagaimana sistem yang dibangunkan memenuhi keperluan maklumat dan spesifikasi yang ditentukan semasa analisa sistem. Aktiviti-aktiviti yang terlibat dalam fasa ini ialah rekabentuk modul-modul sistem, rekabentuk pangkalan data, rekabentuk input-output dan rekabentuk antaramuka. Selain itu, keperluan fungsi juga ditentukan dalam fasa ini. Kaedah UML (*Unified Modeling Language*) dengan bantuan alatan Rational Rose 4.0

telah digunakan bagi menentukan kelas objek serta medan data yang terlibat dalam permodelan rekabentuk sistem.

3.4. Fasa Pembangunan Sistem


Fasa ini merangkumi pembangunan prototaip iaitu penterjemahan rekabentuk sistem kepada kod aturcara. Prototaip dihasilkan berdasarkan hasil daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam tugas-tugas sebelum ini. Pemilihan perisian dan bahasa pengaturcaraan yang sesuai akan mempengaruhi keberkesanan dan penggunaan sistem.

3.5. Fasa Pengujian dan Penilaian

Secara umum, fasa pengujian prototaip membolehkan pembangun dan pelanggan untuk menilai daya maju reka bentuk sistem. Pengujian juga membantu mengenal pasti kesalahan yang berpotensi, untuk membolehkan pereka untuk membuat penambahbaikan. Sekiranya prototaip yang dibangunkan tidak memenuhi spesifikasi keperluan sistem, prototaip akan diperbaiki berkali-kali sehingga ia dapat memenuhi spesifikasi sistem. Dalam fasa ini, pengujian dilakukan ke atas prototaip yang dibangunkan. Ini termasuklah pengujian terhadap input data, output data, antaramuka, pangkalan data dan aturcara.

4 Hasil Pelaksanaan

Hasil yang dicapai melalui pembangunan sistem ini ialah dapat membantu dan memudahkan para pengguna yang ingin mengetahui cenderung personaliti dan kerjaya yang bersesuaian. Segala modul-modul yang terdapat di dalam sistem ini juga berfungsi dengan baik. Pembangunan sistem ini yang menggunakan bahasa pengaturcaraan javascript dan PHP diikuti sistem pangkalan data mySQL juga berfungsi secara sepenuhnya. Rajah 2 menunjukkan permodelan keseluruhan sistem. Bagi antaramuka sistem pula, Rajah 3 menunjukkan antaramuka bagi soalan, manakala Rajah 4 dan Rajah 5 menunjukkan antaramuka bagi output sistem iaitu keputusan kepada ujian personaliti yang dilakukan.



Rajah 2: Permodelan use-case Sistem Penasihatan Kerjaya Menggunakan Personaliti STIFIn

Kenali Personaliti Anda!

Ujian Personaliti STIFIn

Ujian ini memiliki dua pilihan jawapan. Pilih jawapan berdasarkan soalan pernyataan yang paling sesuai dengan diri Anda. Anda **MARUH** memilih salah **SATU** jawapan sama ada Anda merasakan 'Ya/Tidak'. Tidak jawapan yang salah kepada setiap pernyataan. **LAKUKAN UJIAN ANDA SEKARANG!**

Saya lebih suka memimpin dari dipimpin

Ya Tidak

Saya perasan bahawa rakan-rakan sekeliling mudah percaya apa yang saya katakan walaupun kadangkala lainnya tidak benar

Ya Tidak


Saya lebih menggunakan perasaan daripada menggunakan akal

Ya Tidak

Bagi saya, sahabat adalah lebih penting dari buah hati saya

Ya Tidak

Rajah 3: Antaramuka Soalan Ujian Personaliti STIFIn



Rajah 4: Antaramuka Contoh Output bagi Cenderung Personaliti Dominan



**Rajah 5: Antaramuka Contoh Output bagi Hujahan Kecerendeeungan Personaliti Dominan dan
Kerjaya yang Bersesuaian**

5 Perbincangan

Secara keseluruhannya, sistem ini berjaya mencapai objektif dan memenuhi skop sistem. Pembangunan Sistem Penasihat Kerjaya Menggunakan Personaliti STIFIn telah melalui fasa-fasa tertentu bagi memastikan sistem ini dapat dibangunkan sepenuhnya. Hasil daripada usaha dan inisiatif dari pakar domain telah berjaya mengumpulkan pengetahuan berkaitan dengan 5 jenis personaliti berdasarkan kaedah STIFIn iaitu Sensing, Thinking, Intuiting, Feeling dan Instinct termasuk ciri-ciri personaliti, nilai positif yang perlu dibina, cara belajar yang sesuai dan kerjaya yang bersesuaian. Ia telah memberi informasi tentang situasi

untuk mengenalpasti setiap personaliti yang dominan dan telah diaplikasi dalam pembangunan sistem. Melalui gambaran yang telah diberikan, pengumpulan data pengetahuan diperoleh melalui sumber utama iaitu sumber sekunder dan sedikit sumber primer.

Hasil pengumpulan data pengetahuan yang telah dilakukan, latar belakang masalah dapat dikenalpasti serta objektif dapat digariskan. Tambahan lagi, mengenalpastian masalah, objektif dan skop telah dibincangkan pada Bab 1. Seperti yang sudah sedia maklum, objektif bagi projek ini ialah bagi mengenalpasti kecenderungan personaliti dominan untuk menentukan cadangan kerjaya menggunakan personaliti STIFIn, merekabentuk sebuah sistem yang berfungsi bagi memudahkan pengguna menggunakan sistem dengan teratur dan mudah dicapai dan menguji sistem yang dibangunkan supaya semua fungsi berjalan dengan lancar. Bagi pembangunan sistem ini, metodologi yang dipilih ialah metodologi prototaip evolusi. Langkah seterusnya dalam membangunkan sistem ini ialah rekabentuk sistem. Rekabentuk sistem merangkumi yang dibangunkan merangkumi perbincangan bagi rekabentuk proses yang terlibat iaitu rajah use-case, rajah jujukan, antaramuka utama dan rekabentuk pangkalan data. Sistem ini juga mempunyai ciri-ciri ramah pengguna kerana corak persembahan setiap borang adalah seragam. Selain daripada menggunakan butang-butang yang mudah difahami, ia juga bertepatan dengan kehendak pengguna. Antaramuka yang piawai juga memudahkan pengguna menggunakan sistem.

6 Kesimpulan

Sistem Penasihat Kerjaya Berdasarkan Personaliti STIFIn ini telah berjaya dilaksanakan dengan memenuhi skop, objektif dan matlamat sistem. Sistem ini berkemampuan untuk mengenalpasi kecenderungan personaliti paling dominan berdasarkan personaliti STIFIn yang terbahagi kepada lima jenis personaliti iaitu *Sensing*, *Thinking*, *Intuiting*, *Feeling* dan *Instinct* seterusnya menentukan kerjaya yang bersesuaian. Sistem yang dibangunkan ini akan memberi kemudahan kepada pengguna terutamanya bagi pelajar sekolah yang ingin melanjutkan pelajarannya ke peringkat yang lebih tinggi.

Penghargaan. Puji dan syukur kehadiran Allah kerana dengan limpah dan kurnianya dapatlah saya menyiapkan Projek Sarjana Muda yang bertajuk Sistem Penasihat Kerjaya Berdasarkan Personaliti STIFIn. Di ruangan ini ingin saya merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Dr Zalmiyah binti Zakaria yang telah banyak membantu di dalam memberi bimbingan dan tunjuk ajar dalam segala proses bagi menyiapkan laporan ini. Tidak lupa juga kepada keluarga dan sahabat handai yang telah memberi pertolongan secara langsung dan tidak langsung, memberi sokongan dan semangat yang tidak berbelah bagi.

Rujukan

- Bullock, E. E., Andrews, L., Braud, J., & Reardon, R. C. (2006). Holland's Theory In An International Context: Applicability Of Riasec Structure And Assessments, (50).
- Farid Poniman, Rahman Andi Mangussara. (2012). Konsep Palugada Apa Lu Mau Gua Ada.
- Jones, J. W. (2012). Personality-College Major Match and Student Success.
- Nauta, M. M. (2010). The Development, Evolution, and Status of Holland' s Theory of Vocational Personalities : Reflections and Future Directions for Counseling Psychology, 57(1), 11–22.
- Prof. Madya Dr. Azizi Hj. Yahaya, Prof. Madya Dr. Mohd. Najib Ghani, Noraizah Damiri. (1986). Ciri-ciri Personaliti Dalam Pemilihan Kerjaya Pelajar, Gaya Pembelajaran Pelajar dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik.
- Suhaila Nadzri, Nor Ayuni Rosli, Nor Suhaily Bakar.(2015). Faktor Keluarga, Ganjaran, Dan Kesukaran Memperolehi Pekerjaan Mempengaruhi Kerjaya Yang Diceburi Alumni KUIS, 2015(November), 321–334.